

Petikan 2: Amalan Mengusung Rumah

Amalan mengusung rumah dilakukan untuk memindahkan rumah ke lokasi baharu. Amalan ini menjadi satu budaya masyarakat tradisional di negara ini. Amalan mengusung rumah menunjukkan masyarakat yang sangat prihatin sesama jiran tetangga. Mereka mencari buluh di hutan bersama-sama. Kemudian, mengikat buluh-buluh di bahagian bawah rumah. Selepas itu, rumah tersebut diusung ke lokasi tapak rumah yang baharu. Setelah selesai, para pengusung rumah akan dijamu dengan makanan dan minuman. Keadaan ini menunjukkan tuan rumah prihatin dan menghargai pertolongan yang diberikan oleh masyarakat.

Soalan	Jawapan
Nyatakan amalan yang dilakukan oleh masyarakat prihatin. (example of practice)	
Apa yang kita dapat jika amalan ini diamalkan? (benefits=kebaikan)	

PERKATAAN	MAKSUD	PERKATAAN	MAKSUD	PERKATAAN	MAKSUD
Amalan rumah terbuka	Open house practise	kunjung-mengunjungi	visiting	dijamu	served
bergaul	interact/associate	mengeratkan	strengthen	mengikat	tie
menghadiri	attend	hubungan	relationship	menghargai	appreciate
berkenal-kenalan	get to know	mengusung	lift up	pertolongan	favor
beramah mesra	get friendlier	budaya	culture	antara satu sama lain	among each other
bangsa	race	memindahkan	moving	keadaan	situation

Petikan 3: Gunting rambut percuma

Perkhidmatan gunting rambut secara percuma meringankan beban ibu bapa. Perkhidmatan ini dijalankan

hasil kerjasama ketua kampung dan masyarakat setempat di Kampung Tok Rimau. Ketua kampung

menyatakan bahawa perkhidmatan seperti ini mampu membantu masyarakat setempat yang

berpendapatan rendah. Usaha ini membuktikan penduduk kampung tersebut mengambil berat tentang

kebajikan sesama mereka. Bagi mereka, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

PERKATAAN	MAKSUD	PERKATAAN	MAKSUD
Perkhidmatan		kerjasama	
Percuma		setempat	
meringankan		berpendapatan rendah	
beban		mengambil berat	
kebajikan		usaha	

Soalan	Jawapan
Nyatakan amalan yang dilakukan oleh masyarakat prihatin. (example of practice)	
Apa yang kita dapat jika amalan ini diamalkan? (benefits=kebajikan)	